

20/08/2000

Bertenang hadapi 17 tuntutan: Dr Ling

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR; Orang ramai diminta bertenang sehingga kerajaan selesai mengkaji dan menyemak 17 tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liang Sik, berkata orang ramai tidak perlu terburu-buru bertindak dan membuat spekulasi sebelum kerajaan menyemak dan berbincang mengenainya.

Ketika ini, beliau tidak nampak dan tidak mengetahui sebab sebenar bangkangan terhadap tuntutan itu.

"Tetapi biarlah kita periksa dahulu ... dalam masyarakat majmuk di Malaysia, kita perlu menjadikan budaya dan tradisi untuk sentiasa bertenang dan berbincang bagi tidak menimbulkan masalah kepada negara.

"Kita mempunyai cukup orang yang matang yang boleh duduk bersama dan berbincang ... dan ia adalah cara Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Golf Amal Merdeka anjuran Wanita MCA di The Mines Resort and Golf Club di sini, semalam.

Selain itu, Dr Ling meminta media massa supaya tidak memainkan emosi orang ramai dengan mengapi-apikan lagi isu itu.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, dalam hal ini, MCA bukan satu-satunya parti yang berperanan untuk meredakan isu berkenaan tetapi turut menjadi tanggungjawab semua pihak di seluruh negara.

"Barisan Nasional (BN) adalah badan yang bertanggungjawab. Semua parti komponen BN akan memainkan peranan dan tiada siapa yang cuba lari daripada tanggungjawab, tetapi ketika ini, untuk menyelesaikan masalah ini kita perlu bersedia untuk duduk dan berbincang bersama," katanya.

Ditanya adakah MCA akan mengadakan perbincangan dengan semua parti mengenai isu terbabit, Dr Ling berkata, ia berlaku secara automatik dan semua parti ingin duduk bersama kerana berasa bertanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Katanya, dengan kebenaran Kabinet, beliau perlu berbincang dengan Suqiu untuk memeriksa semua tuntutan, memasti serta mendapatkan penjelasan mengenainya.

"Isu tuntutan ini sudah timbul sejak sebelum pilihan raya umum lalu. Ia mempunyai tuntutan jangka pendek, pertengahan dan panjang.

"Sebahagiannya boleh diselesaikan dalam masa yang singkat tetapi sebahagiannya memerlukan masa yang agak panjang manakala sebahagian lagi perlu dibincangkan dalam badan seperti Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen)," katanya.

Baru-baru ini, Suqiu mengemukakan semula 17 tuntutannya yang antara lain mendesak dimansuhkan perbezaan status Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Berita Harian semalam turut melaporkan, Bekas Timbalan Presiden MCA, Tan Sri Lee Kim Sai menasihatkan semua pihak supaya berhenti membincangkan isu hak keistimewaan orang Melayu bagi menjamin keharmonian rakyat yang sudah lama terjalin.

Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan pendirian kerajaan untuk tidak berganjak walau selangkah dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Mengenai desakan Pemuda Umno untuk mendesak Suqiu meminta maaf secara terbuka dalam tempoh seminggu itu, Dr Ling berkata, terpulang kepada kebijaksanaan mereka untuk menyelesaikannya.

(END)